

Perutusan Tahun 2016
Oleh
Ketua Perangkawan Malaysia

New Year 2016 Message
From
Chief Statistician Malaysia

Assalamualaikum w.m. w.b./Salam Sejahtera/Salam Statistik

Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Selamat Menyambut Tahun Baru 2016" kepada semua warga Jabatan Perangkaan Malaysia, para responden dan pengguna statistik. Saya mendoakan supaya kerjasama erat yang sedia terjalin selama ini dapat diperkukuh dan dipertingkatkan lagi. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap warga Jabatan Perangkaan Malaysia atas komitmen padu dalam memastikan setiap produk dan perkhidmatan yang telah dirancang dapat dikeluarkan dalam tempoh yang dijanjikan. Terima kasih diucapkan kepada responden yang telah memberikan kerjasama semasa bancian/penyiasatan dijalankan serta pengguna yang telah menggunakan data terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia. Oleh itu, marilah kita bertekad untuk terus berusaha mengangkat martabat Jabatan dan meningkatkan iltizam untuk memberi perkhidmatan statistik yang terbaik selaras dengan matlamat kita untuk menjadi penjana statistik negara yang berintegriti dan *reliable*.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Pada tahun 2015, Jabatan Perangkaan Malaysia mewakili negara telah mencatat kejayaan dan melakar sejarah apabila berjaya dalam pembidaan sebagai tuan rumah bagi penganjuran *62nd World Statistics Congress of the International Statistical Institute (ISI WSC)* di *Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)* pada tahun 2019. Keputusan ini telah diumumkan selepas Perhimpunan Agung ISI WSC ke-60 yang berlangsung di Rio De Janeiro, Brazil pada 30 Julai tahun lalu. Jabatan bersama Bank Negara Malaysia, Institut Statistik Malaysia dan MyCEB

komited untuk menganjurkan perhimpunan komuniti statistik yang akan dihadiri oleh lebih 3,000 pengamal statistik dari seluruh dunia. Kongres statistik terulung di dunia ini merupakan platform bagi membincangkan perkembangan, cabaran dan inovasi dalam bidang sains statistik, yang telah diamalkan sejak 130 tahun yang lalu.

3. Penganjuran kongres statistik ini yang julung kalinya diadakan di Malaysia dan kali kelima di rantau Asia Pasifik mengkehendaki kita membuat persediaan rapi seawal tahun 2016 bagi memastikan perjalanan kongres penting ini berjalan lancar dan berlangsung dengan jayanya. Dalam hal ini, satu Pelan Strategik Penganjuran ISI WSC 2019 telah disediakan yang menggariskan perancangan dan tindakan sebelum, semasa serta selepas kongres berlangsung. Sebagai persediaan untuk berhadapan dengan kongres penting ini, ingin saya menyeru semua warga Jabatan agar meningkatkan kemahiran komunikasi dan penguasaan Bahasa Inggeris seperti kata pepatah "*practice make perfect*". Bagi kumpulan pengurusan dan professional pula, saya menyarankan agar meningkatkan kemahiran penyelidikan dan analitik serta menyertai pembentangan kertas teknikal di dalam dan luar negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Pada tahun lalu juga, Jabatan bersama-sama *National Statistics Organisation* di seluruh dunia telah menyambut dan meraikan Hari Statistik Sedunia kali kedua pada 20 Oktober 2015 yang disambut setiap 5 tahun sekali. Sambutan yang bertemakan "*Better Data, Better Lives*" (Data Berkualiti, Kehidupan Sejahtera) adalah sejajar dengan keperluan data berkualiti dalam penggubalan dasar berasaskan bukti dan pemantauan agenda pembangunan negara yang akan mensejahterakan kehidupan rakyat.

5. Bersempena dengan sambutan ini, Jabatan Perangkaan Malaysia bersama agensi pengamal statistik dalam negara telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti. *Kick-off* sambutan bermula dengan Sesi Tranformasi Statistik Bersama Komuniti di seluruh negara. Pada 17 Oktober, Larian Statistik (StatsRun) telah diadakan di Presint 3, Dataran Putrajaya dan berjaya menghimpun seramai 4,500 penyertaan yang majoritinya adalah Gen-Y. Pada 20 Oktober, Program Bicara Statistik bertajuk "*The Power of Statistics: Better Data, Better Lives*" telah dianjurkan yang mengupas revolusi dan cabaran ke arah pengeluaran statistik baharu dan penggunaan statistik yang lebih sofistikated. Bicara Statistik di peringkat universiti juga telah diadakan bagi meningkatkan literasi statistik dalam kalangan pelajar dan pensyarah. Pada 17 November, Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) telah diadakan di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia dengan tema "*Enriching Statistics in an Inter-connected and Digital World*".

6. Program-program yang telah diadakan bersempena sambutan Hari Statistik Sedunia itu bertujuan untuk meningkatkan literasi statistik kepada responden dan pengguna. Program tersebut perlu terus diperluaskan kepada semua masyarakat terutamanya para pelajar bagi meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penggunaan statistik dalam membuat keputusan berasaskan bukti. Oleh itu, pelbagai program ilmiah di peringkat sekolah, kolej dan universiti seperti sudut pelajar di dalam portal, *statistics talk* di sekolah dan lain-lain perlu dipergiatkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Sejajar dengan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN bagi Tahun 2015, Jabatan Perangkaan Malaysia turut menjadi tuan rumah dan pengerusi 5th *Session of the ASEAN Community Statistical System (ACSS) Committee* yang telah berlangsung pada 3-5 November 2015 di Cyberjaya. Sesi yang dihadiri 72 delegasi dari kalangan ketua agensi

statistik negara ASEAN dan rakan strategik ASEAN telah membincangkan isu-isu statistik yang dapat menyumbang kepada pembentukan komuniti ASEAN. Pencapaian ACSS yang signifikan telah mendapat pengiktirafan dan disenaraikan sebagai salah satu badan sektoral dalam ASEAN Charter pada September 2015.

8. Jabatan Perangkaan Malaysia telah dan akan terus menyokong pembinaan keupayaan statistik ACSS dengan mengurangkan jurang pembangunan statistik dalam kalangan negara anggota. Di bawah inisiatif ASEAN help ASEAN, Jabatan menyumbang kepakaran tenaga pengajar dalam beberapa bidang seperti statistik perdagangan barangan antarabangsa, statistik perniagaan dalam perkhidmatan serta statistik kedudukan pelaburan antarabangsa. Pengurangan jurang pembangunan statistik akan merangsang kegunaan lebih meluas data berkualiti untuk dasar berasaskan bukti dan membuat keputusan dalam ASEAN. Selain itu, Jabatan juga perlu meningkatkan pengurusan maklumat serta analisis data bagi memenuhi keperluan data Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang telah ditubuhkan mulai akhir tahun 2015. AEC akan memberi manfaat kepada semua negara anggota ASEAN dengan membuka peluang kepada individu dan peniagaan melalui pergerakan barangan, perkhidmatan, pekerja mahir dan modal dengan lebih bebas.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Dengan keperluan pembangunan lestari di peringkat global dan nasional, peranan pengamal statistik memerlukan transformasi dalam bisnes proses yang menepati keperluan semasa serta masa hadapan. Dalam konteks Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development*, dunia telah menetapkan matlamat global yang akan dicapai pada tahun 2030. Pada September 2015, ketua-ketua negara dunia semasa Sidang Kemuncak PBB ke-70 di New York telah menerima pakai 17 matlamat *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang merangkumi aspek sosial,

ekonomi dan alam sekitar dengan 169 sasaran. Untuk mengukur pencapaian matlamat global tersebut, sebanyak 304 cadangan indikator telah dikenal pasti dan akan dimuktamadkan pada Mac 2016, yang mana Malaysia merupakan salah sebuah daripada 22 negara yang turut terlibat dalam mesyuarat di peringkat *High-level Group*. Justeru, Jabatan Perangkaan memainkan peranan penting terutamanya sebagai *focal point* dan penyelaras dalam pelaksanaan matlamat global ini. Agenda SDGs merupakan kesinambungan dan perluasan bagi matlamat pembangunan milenium (MDGs) yang telah berakhir pada tahun 2015.

10. Pembangunan lestari di peringkat nasional telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang merupakan fasa terakhir ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. RMK-11 adalah rancangan pembangunan lima tahun yang memberi fokus kepada kemakmuran dan kejayaan negara dapat dikecapi oleh seluruh rakyat. Statistik yang dijanakan oleh Jabatan telah digunakan untuk mengukur pencapaian pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat sejak tahun 1970. Di antara statistik tersebut adalah peningkatan KDNK kepada RM1.1 trilion pada 2014 berbanding RM71.1 bilion pada 1970 dan peningkatan pendapatan bulanan purata isi rumah melebihi 20 kali ganda kepada RM6,141 dalam tempoh 44 tahun. Justeru, lebih banyak statistik baru diperlukan oleh kerajaan untuk menilai, memantau dan seterusnya menjadi input dalam kajian semula polisi yang ditetapkan sebelum ini agar perancangan pembangunan dan polisi yang lebih jelas digubal untuk kesejahteraan inklusif rakyat.

11. Sebagai memenuhi keperluan RMK-11, pada tahun 2016, Jabatan Perangkaan akan menjalankan dua aktiviti besar iaitu Banci Ekonomi (BE) mulai April 2016 hingga Disember 2016 dan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) mulai Mei 2016 hingga April 2017. Objektif utama Banci ekonomi adalah untuk mengenal pasti punca pertumbuhan baru kepada ekonomi di samping menyokong polisi baru kerajaan dan mengukur keberkesanan program pembangunan. BE

2016 juga menyediakan penandaarasan baru bagi statistik ekonomi yang akan digunakan dalam penyediaan Jadual input-output dan pengasasan semula KDNK. Sementara itu, objektif utama HIES ialah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan dan perbelanjaan penggunaan isi rumah. Maklumat perbelanjaan isi rumah ke atas pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan akan digunakan untuk mengemas kini wajaran Indeks Harga Pengguna.

12. Di bawah RMK-11, Jabatan Perangkaan juga telah diamanahkan untuk menerajui inisiatif pewujudan pusat sehati bagi statistik alam sekitar untuk kegunaan *strategic environmental assessment*. Dalam perkembangan berkaitan, *United Nation Statistics Division* telah memilih Malaysia sebagai negara perintis bagi projek penyusunan *Green Economy/Green Growth Indicators* untuk tempoh 2014 hingga 2015 dan Jabatan merupakan *focal point* kepada projek ini. Lanjutan itu, mulai 2016 Jabatan akan menerbitkan produk baharu *Green Economy Indicators for Malaysia (MyGEI)*. Jabatan juga sedang di peringkat akhir pembangunan *System of Environmental Economic Accounting (SEEA)* bagi Akaun Tenaga yang dijangka selesai pada suku pertama 2016.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Pelan Tranformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020 yang menggariskan hala tuju dan komitmen Jabatan bagi tempoh enam tahun akan datang telah mula dilaksanakan. Pelan Tranformasi ini menggariskan empat teras strategik iaitu penghasilan produk & perkhidmatan statistik yang berintegriti dan *reliable*, pengurusan sumber dan infrastruktur yang efisien, mendaya upaya bakat serta memperkasa peranan penjana statistik.

14. Dalam tahun pertama pelaksanaan Pelan Transformasi ini, Jabatan telah mengeluarkan produk baharu yang relevan dengan keperluan semasa pengguna dalam dan luar Negara, antaranya.

- a. Indeks Perkhidmatan suku tahunan telah mula diterbitkan kepada umum pada 12 Mei 2015;
- b. *International Investment Position* suku tahunan telah diterbitkan kepada umum pada 29 Mei 2015; dan
- c. *Statistics of Foreign Direct Investment in Malaysia* telah diterbitkan kepada umum pada 30 oktober 2015.

Mulai 2015 juga, Penyiasatan Pertubuhan e-Dagang telah dijalankan buat pertama kalinya. Penyiasatan ini bertujuan untuk memperoleh struktur dan profil terkini aktiviti e-Dagang di Malaysia, di samping menjadi penunjuk/indikator dalam pembangunan ICT dan penjana ekonomi digital negara serta merupakan input dalam penyusunan ICT *Satellite Account* (ICTSA).

Pada tahun kedua pelaksanaan PTJ iaitu tahun 2016, lebih banyak produk dijangka akan diterbitkan, antaranya Sumbangan Industri HALAL kepada KDNK, Jadual Input-Output Wilayah, Inflasi Teras, Laporan HIS mengikut daerah pentadbiran, Statistik *Gender* dan Statistik *Child Info*.

15. Dari aspek perkhidmatan statistik, portal rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima penarafan 5 bintang semasa *Provider-based Evaluation* (ProBE) 2014. Untuk terus meningkatkan lagi komunikasi data secara atas talian, Jabatan telah melancarkan portal baharu pada 2 April 2015 yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara. Portal baharu Jabatan dengan wajah dan ciri baharu yang lebih mesra pengguna telah dilengkapi dengan kemudahan data *visualisation* dan sistem pengurusan kandungan serta mengguna pakai sepenuhnya prasarana e-Services yang mana sehingga akhir 2015, pendaftaran

pengguna e-Services melebihi 21,000 orang. Kemudahan capaian statistik melalui portal Jabatan dan e-Services akan terus diperkukuhkan melalui peningkatan *Dynamic Data Visualisation, infographic* dan penambahan modul StatsDW.

16. Sebagai usaha berterusan untuk memperluaskan modenisasi business process DOSM, Jabatan telah memperkenalkan penggunaan aplikasi *Computer-Assisted Personal Interviewing (CAPI)* dan *Computer-Assisted Telephone Interviewing (CATI)* dalam pengumpulan data Pungutan Harga Pengguna dan Penyiasatan Tenaga Buruh di beberapa Jabatan Perangkaan Negeri terpilih. Penggunaan aplikasi baru tersebut akan diperluaskan ke semua Jabatan Perangkaan Negeri agar pengurusan data di lapangan dapat dipertingkatkan. Bagi tujuan penyimpanan dan penyebaran data, pembangunan *Statistics Data Warehouse (StatsDW)* telah menunjukkan kemajuan yang baik dan dijangka *Go Live* pada pertengahan 2016.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

17. Ledakan informasi melalui perkembangan ekosistem dunia digital telah mewujudkan kepelbagaian sumber data dan pertumbuhan dinamik big data yang besar, pelbagai, tidak terbatas dan bernilai (*volume, variety, velocity, value*) sehingga mencapai saiz data daripada terabytes kepada petabytes dan terkini zettabytes. Revolusi *big data* dilihat telah mendorong kepada inovasi baru perkongsian data melalui kerjasama pintar kerajaan dan swasta. Dalam hubungan ini, terdapat kepentingan untuk Jabatan Perangkaan meningkatkan penggunaan data pentadbiran dalam penyusunan statistik. Sehingga kini, Jabatan Perangkaan telah membuat hubungan strategik dengan pelbagai pihak termasuk universiti dan sedang berusaha untuk mengembangkan jalinan kerjasama dengan SECCOM, POS Malaysia dan *hypermarket* bagi meningkatkan penghasilan produk dan memperluaskan perkhidmatan statistik.

18. Jabatan juga perlu meneroka dan mengeksploitasi teknologi *internet of things* (internet untuk segala-galanya). Ini kerana gajet komunikasi yang semakin canggih dan murah, capaian internet yang luas serta akses kepada maklumat yang *real-time* merupakan cabaran kepada Jabatan untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada pengguna. Melalui inisiatif *Citizen-Centric Government Online Services*, Jabatan akan mendepani cabaran agar *citizen* atau rakyat memperoleh manfaat dari perkhidmatan secara atas talian yang disediakan oleh Jabatan. Dalam masa yang sama, Jabatan turut menitikberatkan keselamatan penyimpanan, akses dan penyebaran data bagi memastikan kemudahan dan infrastruktur ICT selamat daripada risiko ancaman dan pencerobohan dengan memperluaskan skop pensijilan ISO/IEC 27001:2013 ISMS.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

19. Pada tahun ini, Jabatan akan menyaksikan satu lagi peristiwa bersejarah apabila bangunan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) akan dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan pada 29 Mac 2016. Dalam hubungan ini, peranan ILSM sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang pembelajaran statistik di peringkat domestik dan antarabangsa akan terus diperkukuhkan dan Pelan Strategik ILSM 2016-2020 akan diwujudkan.

20. Disamping melaksanakan tugas rasmi, Jabatan turut menyokong aktiviti sosial dan sukan dalam kalangan warga Jabatan. Jabatan telah mengadakan Sukan Antara Zon dan Malam Perangkaan pada September 2015 di Kuantan Pahang. Tahniah kepada Zon Utara yang telah muncul sebagai juara keseluruhan sukan tersebut. Aktiviti sebegini akan diteruskan pada tahun 2016 bagi memperkukuhkan program keseimbangan kerjaya dan keluarga serta kesihatan warga DOSM.

21. Akhir kata, saya berharap agar semua warga Jabatan Perangkaan Malaysia dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi dan meneruskan kecemerlangan pada tahun 2016 ini. Saya amat berharap agar segala cabaran mendatang dapat dihadapi dengan ketabahan dan keyakinan bagi memastikan setiap produk dan perkhidmatan yang telah dirancang dapat dikeluarkan dengan jayanya.

Selamat Menyambut Tahun Baru 2016

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. HAJI ABDUL RAHMAN HASAN

KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

1 JANUARI 2016

Assalamualaikum w.m. w.b./Salam Sejahtera/Salam 1Statistik

Ladies and gentlemen,

1. *First and foremost, I would like to take this opportunity to wish a Happy New Year 2016 to all staffs of the Department of Statistics Malaysia, stakeholders, respondents and users of statistics. I wish that the existing cooperation among us be further strengthened. I would also like to express my sincere appreciation to each and everyone in the Department of Statistics for their strong commitments in ensuring our products and services are delivered as planned. My gratitude is extended to all the respondents for their continuous cooperation during the census/survey and to those who are using the statistics published by the Department of Statistics, Malaysia. With that note, let us pledge to sustain the efforts to uplift the reputation and elevate the Department's goals by providing the best statistical services in line with our mission to become the producer of national statistics of integrity and reliability.*

Ladies and gentlemen,

2. *In 2015, the Department of Statistics Malaysia has successfully made a history by representing country and eventually won the bidding to host the 62nd International Statistical Institute World Statistics Congress (ISI WSC) in Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) 2019. The announcement was made after the General Assembly of the 60th WSC in Rio De Janeiro, Brazil on July 30 last year. Jointly, the Department of Statistics Malaysia, Bank Negara Malaysia, Institute of Statistics Malaysia and MyCEB are committed to organise a spectacular gathering of statistical community that is expected to gather about 3,000 statistical science experts worldwide. The world's premier statistical science congress is a platform to discuss the development,*

challenges and innovations in statistical science, which has been practiced since 130 years ago.

3. This statistics Congress will be hosted for the first time in Malaysia and the fifth in Asia and the Pacific region, which requires us to be prepared as early as 2016 in ensuring this prestigious congress will be implemented efficiently and successfully. In this respect, a Strategic Plan of ISI WSC 2019 organisation has been arranged to outline the plans and actions during the congress. As the saying goes "practice makes perfect", I wish to call upon all staffs of the department to put in more efforts to improve the communication skills and command of English. On top of that, I urge the officers to enhance the skills of research and analytics in order to participate in the presentation of technical papers at the national and international levels.

Ladies and gentlemen,

4. On 20th October 2015, the Department along with National Statistics Organisation around the world have celebrated the second World Statistics Day, which are celebrated in every 5 years. Themed "Better data, Better Lives" is in line with the requirements of quality data in evidence-based policy making and monitoring the national development agenda that enables people to live better lives.

5. In conjunction with the celebration, the Department of Statistics Malaysia with other statistical agencies successfully organised various programmes and activities. Kick-off celebration begins with the Seminar of Statistics Transformation with community in nationwide. On October 17, the Statistics Run (StatsRun) was held in Precinct 3, Dataran Putrajaya and managed to gather a total of 4,500 participations and the majority was Gen-Y. On October 20, Statistics Talk entitled "The Power

of Statistics: Better Data, Better Lives" was organised to deliberate the revolution and the challenges towards new statistical production and use of more sophisticated statistics. The Statistics Talk was conducted at the universities as an effort to promote the statistical literacy among students and lecturers. While, the Third Malaysia Statistics Conference (MyStats2015) was successfully organised on 17 November 2015 at Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, themed "Enriching Statistics in an inter-connected and Digital World".

6. The programmes conducted during the World Statistics Day aims to improve the statistical literacy among respondents and users. These programmes should be extended to the community, especially to students that eventually increase the awareness, understanding and the use of statistics in evidence-based decision-making. Therefore, various programmes and activities at schools, colleges and universities level will be executed such as developing students' corner in the portal and statistics talk at schools.

Ladies and gentlemen,

7. In conjunction with Malaysia as Chairman of ASEAN 2015, the Department of Statistics Malaysia hosted and chaired the Fifth Session of the ASEAN Community Statistical System (ACSS) Committee which was held from 3-5 November 2015 in Cyberjaya. A total of 72 delegates consists of the Heads of National Statistics Office (NSO) of ASEAN Member State (AMS), International Organisations, ASEAN Dialogue Partner Countries and Development Partners of ASEAN attended and discussed the statistical related issues which contributed to the formation of the ASEAN community. The significant achievement of the ACSS has been recognized and incorporated as a sectoral body in the ASEAN Charter in September 2015.

8. *The Department of Statistics Malaysia has and will continue to support the ACSS statistical capacity building by narrowing the development gap among AMS. Under the ASEAN help ASEAN initiative, the Department has provided the expertise in the field of international merchandise trade statistics, trade in services statistics and international investment position statistics. By narrowing the statistical development gaps, the use of quality data for evidence-based policy and decision making will be enhanced in ASEAN. In addition, the Department also needs to enhance the management information and data analysis to meet the data requirement of the ASEAN Economic Community (AEC), which was established by the end of 2015. AEC offers many benefits and opportunities to the individuals and business communities in the AMS leveraging on the free flow of goods, services, investment, skilled labour and capitals.*

Ladies and gentlemen,

9. *The requirement of the global and national sustainable developments requires transformation of statistical practitioners' business processes that will meet current and future needs. In the context of sustainable development, a global goal has been set and to be achieved by 2030. In September 2015, the Heads of Nations during the 70th United Nations World Summit in New York has adopted 17 Sustainable Development Goals (SDGs) with 169 targets comprising economic, social and environmental areas. A total of 304 indicators was proposed to measure the goals and will be finalised in March 2016, where Malaysia is among the 22 countries that participated in the high-level group meeting. Thus, the Department of Statistics plays an important role as a focal point and coordinator in the implementation of these global goals. The SDGs agenda is an extension and expansion of the Millennium Development Goals (MDGs), which expired in 2015.*

10. *Sustainable Development at the national level has been outlined in the Eleventh Malaysia Plan (RMK-11), which is the final phase in the journey towards realising vision 2020. RMK-11 is a five-year development plan focuses on nation's prosperity and the success will be shared among the rakyat. The statistics produced by the Department have been utilised to measure the achievement of national development and prosperity of the rakyat since 1970 such as the GDP increased to RM1.1 trillion in 2014 as compared to RM71.1 billion in 1970 and the average monthly household income expanded more than 20-fold to RM6,141 within 44 years. Hence, more updated statistics are required by the government to measure, monitor and to review the existing policies in order to formulate a better development plan and policy for inclusive prosperity of the rakyat.*

11. *To fulfil the requirements of RMK-11, in 2016, the Department of Statistics will conduct two main activities; those are the Economic Census (BE 2016) commencing April 2016 to December 2016 and the Household Income and Expenditure Survey (HIES 2016) beginning May 2016 to April 2017. The main objective of BE 2016 is to identify new sources of growth to the economy and support the government's new policy as well as to measure the effectiveness of development programmes. BE 2016 also provides a new benchmark for economic statistics to be used in the preparation of input-output table and the GDP rebasing. Meanwhile, the objective of HIES 2016 is to collect information on pattern of income distribution and household consumption expenditure. The CPI weight will be updated according to the information on the household expenditure of the goods and services.*

12. *The Department of Statistics Malaysia was entrusted to spearhead the initiative of creating one stop centre in the environmental statistics for the use of strategic environmental assessment under the RMK-11. In this regard, the United Nations Statistics Division has choose Malaysia as a pilot country for the preparation of the Green Economy/Green Growth*

Indicators for the period of 2014 to 2015 and the Department were nominated as focal point of the project. Later, commencing 2016 the Department will publish a new product on Green Economy Indicators (MyGEI) for Malaysia. Currently, the Department is in the final stages of developing the System of Environmental Economic Accounting (SEEA) for Energy Account which is expected to be completed by the first quarter of 2016.

Ladies and gentlemen,

13. The Department of Statistics Malaysia Transformation Plan 2015-2020 has been implemented. The plan highlighted the direction and commitment of the Department for the upcoming six years period. The Transformation Plan emphasizes four strategic thrusts, those are to produce integrity and reliable statistical products and services, the efficient management of resources and infrastructure, empowering talents as well as strengthening the role as statistics producer.

14. During the first year implementation of the Transformation Plan, the Department has produced new products which are relevant to the domestic and international user needs, namely:

- a. Quarterly Services Index published to the public on 12 May 2015;*
- b. Quarterly International Investment Position published to the public on 29 May 2015; and*
- c. Statistics of Foreign Direct Investment in Malaysia Position published to the public on 30 October 2015.*

The e-Commerce Establishment Survey was conducted for the first time in 2015. The survey aimed to obtain structure and profile of the most

up-to-date e-commerce activities in Malaysia, in addition to being an indicator in the development of ICT and the digital economy of the country that serves as an input for the preparation of ICT Satellite Account (ICTSA).

For the period of 2016, the second year of implementation will see more products expected to be published such as the contribution of HALAL industry to GDP, Regional Input-Output Tables, Core Inflation, HIS by administrative districts, Gender Statistics and Child Info.

15. The Department's official portal has received 5-Star ranking during the Provider-based Evaluation (PROBE) 2014. To further enhance the online data communication, the Department has launched a new portal on 2nd April 2015 which was officiated by the National Chief Secretary. The new portal provides new and user-friendly features and equipped with data visualisation, content management system and fully utilised the e-Services infrastructure. The number of e-Services registration has recorded more than 21,000 users by the end of 2015. The portal and e-Services facilities will be further enhanced by introduction of Dynamic Data Visualisation, infographics and StatsDW modules.

16. As a continuous effort in modernising the business process of the Department, Computer-Assisted Personal Interviewing (CAPI) and Computer-Assisted Telephone Interviewing (CATI) was introduced in selected states for data collection of consumer prices and the Labour Force Survey. These new tools will be used to other states in order to improve the data management during the field work. For the purposes of data archiving and dissemination, Statistics Data Warehouse (StatsDW) is being developed and expected to go live in mid-2016.

Ladies and gentlemen,

17. The information boom via development of the digital world has created diversity ecosystem, resulted the dynamic growth of big data in terms of volume, variety, velocity and value whereby the size has increased from terabytes to petabytes and later to zettabytes. The revolution of big data has led to smart partnerships innovations of data sharing between government and private sectors. In relation to that the Department will increase the use of administrative data in the compilation of statistics. At this moment, the Department has made strategic collaboration with various parties, including universities and will extend the cooperation with SECCOM, POS Malaysia and hypermarkets in order to increase new products and widen the statistical services.

18. The Department must venture into the internet of things technology. Nowadays, the cheaper and sophisticated communication gadgets, extensive internet access and real-time information have become a challenge to the Department in delivering more efficient service to users. Through the Online Citizen-Centric Government Services initiative, the Department will overcome the challenges to ensure the rakyat will benefit from the Department's online services. Concurrently, the Department also emphasizes the security of the data storage, access and dissemination in order to ensure the ICT infrastructure and facilities are free of threats and intrusion by expanding the scope of ISO / IEC 27001: 2013 ISMS.

Ladies and gentlemen,

19. This year, the Department will create another historical moment when the Institute of Statistics Malaysia (ILSM) will be officiated by Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan on 29th March

2016. In this regards, the role of ILSM will be strengthened as a centre of excellence in the field of statistical learning at national and international level. ILSM Strategic Plan 2016-2020 will be established in 2016.

20. Besides the official duties, the Department encourages the staffs to be involved in social and sport activities. In September 2015, the Department has organised the Sukan Antara Zon and Malam Perangkaan in Kuantan, Pahang. Congratulations to the Zon Utara that emerged as the overall champion of the tournament. The Department will continually conduct the social and sport activities in 2016 to promote work life balance and better health among the staffs.

21. Finally, I wish every staffs of the Department will continue to carry out excellent and dedicated duties and responsibilities in 2016. I hope all challenges can be endured with courage and confidence to ensure every products and services to be successfully delivered as planned.

Happy New Year 2016

Thank you.

*DATUK DR. HAJI ABDUL RAHMAN HASAN
CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA*

1 JANUARY 2016